

Fakta  
nombor

26,168 KES

tuberculosis (Tibi)  
tahun lalu

214 KES

penyakit kusta  
tahun lalu



Majlis  
Sambutan  
HARI TIBI DAN  
HARI KUSTA  
SEDUNIA

INGKAT KEBANGSAAN  
TAHUN 2018

Dirasmi oleh  
Datuk Seri Dr. S. Subramaniam  
Menteri Kesihatan Malaysia

Tarikh: 6 Mac 2018 (Selasa)  
Masa: 10.30 pagi  
Tempat: Dewan Semai Bakti,  
FELDA Bukit

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Datuk Dr Azman Abu Bakar (tiga dari kiri) pada perasmian Majlis Sambutan Hari Tibi dan Kusta Sedunia Peringkat Kebangsaan 2018 di Dewan Semai Bakti, FELDA Bukit Goh, Kuantan semalam.

# Penyakit tibi, kusta meningkat

B/H / 07/03/2018 MIS 03

➔ Kementerian Kesihatan turut maklumkan kadar kematian bertambah

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@nstp.com.my

Putrajaya

**S**ebanyak 26,168 kes tuberculosis (Tibi) dilaporkan sepanjang tahun lalu di negara ini, peningkatan lapan peratus berbanding 24,220 kes pada 2015.

Kementerian Kesihatan memaklumkan, kadar kematian akibat Ti-

bi juga meningkat kepada 6.8 bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun lalu, berbanding 5.5 bagi setiap 100,000 pada 2015.

Kes baharu penyakit kusta juga meningkat, dengan 214 kes pada tahun lalu, peningkatan 3.8 peratus berbanding 2016.

"Sebanyak 13 kes baharu memabitkan kanak-kanak, yang menunjukkan masih ada jangkitan baharu kusta dalam komuniti.

"Lapan kes baharu yang dikesan adalah dengan Kecacatan Gred 2 (G2D)" katanya dalam satu kenyataan sempena sambutan Hari Tibi dan Kusta Sedunia 2018 peringkat kebangsaan.

**Pengesanan, rawatan awal**  
Kementerian memaklumkan, pengesanan dan rawatan awal penyakit Tibi dan kusta amat penting bagi mengawal penularan penya-

kit itu.

"Pesakit yang sudah memulakan rawatan perlu menghabiskan rawatan selama sekurang-kurangnya enam bulan bagi penyakit Tibi dan enam bulan hingga 18 bulan bagi penyakit kusta.

"Pesakit yang terhenti rawatan boleh merebakkan semula kuman Tibi kepada masyarakat. Pada 2016, terdapat 1,226 kes pesakit Tibi yang terhenti rawatan," katanya.